

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KEJADIAN TANAH RUNTUH IPG GAYA, KESELAMATAN SELURUH
WARGA KAMPUS JADI KEUTAMAAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil serius kejadian tanah runtuh di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya, Sabah.

Insiden tersebut telah mengakibatkan kerosakan bahagian cerun dan beberapa blok bangunan yang telah ditutup dan tidak didiami sejak bulan Julai lalu atas arahan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah.

Tiada kecederaan yang dilaporkan dalam kejadian ini. KPM mengambil langkah proaktif bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga IPG Kampus Gaya terpelihara.

Arahan pengosongan serta-merta bangunan kuarters yang terletak berdekatan dengan kejadian tanah runtuh telah dibuat. Tindakan segera lain turut diambil termasuk merobohkan blok bangunan terlibat bagi tujuan binaan baharu, menyewa premis luar berdekatan bagi memastikan aktiviti akademik dapat terus berjalan dan membina semula tangki air yang rosak.

KPM menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor atas keprihatinan beliau dan lawatan yang telah dilaksanakan di IPG Kampus Gaya hari ini.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
17 SEPTEMBER 2025**